

Perkasa komuniti dalam pembangunan Langkawi Geopark

B/H 7/2/12 MS 8/9.



Dr Ibrahim Komoo

ikomoo@yahoo.com

PADA akhir tahun lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melancarkan Blueprint Pelancongan Langkawi (BPL) bertujuan membawa Langkawi setapak lagi ke arah destinasi pelancongan terunggul dunia.

Dalam ucapan perasmian, beliau menegaskan prasyarat menjadi destinasi terunggul ialah persekitaran bersih lagi menyegarkan. Beliau secara tegas mengarahkan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) LADA yang baru, Tan Sri Khalid Ramli memberikan perhatian kepada kebersihan, khususnya di kawasan Pantai Cenang. Kebersihan adalah penunjuk kepada beberapa perkara asas mengukur tahap negara maju.

BPL menggariskan 14 inisiatif dalam tiga tema utama iaitu membangun produk pelancongan, mengukuhkan infrastruktur sokongan, dan komponen mempermudah pelaksanaan. Terdapat tujuh produk pelancongan bakal dimajukan dan satu daripadanya yang utama ialah 'geopark'.

Geopark dilihat sebagai daya tarikan penting pelancongan, khususnya pelancongan tebi (ekopelancongan) yang



AHLI MPN melawat Kilim Geopark.

jarah negara dan perubahan set mind

congkan tabii (ekopelancongan) yang mampu menonjolkan keunikan warisan geologi dan biologi negara dan kini diiktiraf sebagai UNESCO Global Geopark.

Baru-baru ini sempena mesyuarat Majlis Profesor Negara (MPN), saya telah membawa lebih 50 profesor mewakili institut pengajian tinggi awam (IPTA) melawat Langkawi Geopark. Lawatan ini diketuai Pengerusi MPN, Prof Emeritus Datuk Dr Zakri Abd Hamid, merangkap penasihat Sains, Perdana Menteri.

Lawatan dimulakan dengan ceramah makan malam berjudul 'Langkawi Geopark - Innovation for Sustainable Development', diikuti lawatan ke Kilim Geoforest Park, lawatan ke geotapak, biotapak dan tapak budaya. Semua profesor juga dibawa berdialog bersama penduduk tempatan, bertukar pandangan mengenai bagaimana hendak memperkasa komuniti setempat dalam arus pembangunan industri pelancongan.

Pendedahan profesor yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu kepada pembangunan Langkawi Geopark adalah sesuatu yang di luar dugaan. Mereka tidak dapat membayangkan, satu cetusan idea sains 15 tahun lampau iaitu konsep 'pemuliharaan sumber warisan geologi', boleh menjadi satu gerakan pembangunan wilayah dan telah mendapat perhatian pada peringkat kebangsaan dan global. Di luar negara, idea geopark disambut baik dan kini menjadi alat pembangunan lestari wilayah berasaskan pembangunan pelancongan.

Walaupun pada asalnya pembangunan pengetahuan mengenai geowarisan hanya untuk mengimbangi gagasan pemuliharaan sumber asli, khususnya keperluan memulihara warisan bukan hidupan (sumber geologi dan landskap) yang masih tertinggal di belakang berbanding pemuliharaan sumber biologi. Perkembangan idea dan ilmu mengenai geopark mencetus keinginan untuk mengimbangi konsep pemuliharaan dan penggunaan sumber secara lestari.

Oleh kerana geopark adalah 'alat pembangunan wilayah', ia tidak saja men-



PERDANA MENTERI, Datuk Seri Najib Razak pada pelancaran Blueprint Pelancongan Langkawi.

dorong keperluan memulihara sumber warisan geologi, tetapi ia membawa sama keperluan untuk memulihara sumber warisan biologi dan budaya yang berada dalam suatu wilayah geopark. Lebih menarik lagi, konsep geopark menggalakkan pemuliharaan warisan alam dan budaya dibangunkan secara terintegrasi.

Langkawi Geopark memperkenalkan konsep 'taman geoforest', satu-satunya di dunia yang mengembleng idea pemuliharaan warisan geologi bersama warisan hutan. Kini taman geoforest Kilim, Machinchang dan Dayang Bunting adalah

kawasan pemuliharaan dan pelancongan yang paling berjaya menarik pelancong ke Langkawi.

Suatu yang sangat menarik ialah konsep geopark membawa gagasan pembangunan pelancongan dan memperkasa komuniti tempatan untuk menjadi pemain utama dan menggunakan sumber warisan tempatan untuk meningkatkan sosioekonomi mereka. Fenomena ini dapat dilihat apabila komuniti Kampung Kilim diberikan mandat membangun dan mengurus aktiviti geopelancongan di taman geoforest Kilim.

Ini adalah peristiwa penting dalam se-

jarah negara dan perubahan set minda penjawat awam, apabila komuniti tempatan diperkasa sepenuhnya untuk membangunkan sumber warisan tempatan secara bersama dan untuk faedah pembangunan ekonomi wilayah.

Dalam sesi dialog antara profesor dengan wakil komuniti tempatan ketika lawatan MPN ke taman geoforest Kilim, peserta dapat melihat bagaimana masyarakat setempat begitu bersungguhsungguh memajukan kawasan mereka, dan berbangga berkongsi pengalaman memajukan produk pelancongan di Kilim.

Mereka turut membincangkan beberapa isu utama seperti pemuliharaan sumber warisan asli, kelestarian aktiviti pelancongan dan kepentingan kerjasama pelbagai pihak untuk memajukan kawasan ini. Penduduk tempatan kini telah menjadi pemain utama dalam pembangunan Langkawi Geopark.

Tahun ini warga dunia akan menganjurkan satu persidangan penting dikenali Rio + 20. Persidangan ini bakal meninjau sejauh mana pencapaian iltizam kita selepas 20 tahun Persidangan Kemuncak Bumi mengenai Pembangunan Lestari dianjurkan. Apakah negara kita sedang bergerak di landasan yang betul menuju ke arah kelestarian?

Konsep geopark menjanjikan harapan tinggi menyahut cabaran menjayakan gagasan pembangunan lestari. Pendekatan geopark memberikan penekanan kepada mengimbangi kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan penggunaan sumber untuk menjana ekonomi tempatan.

Geopark juga memberikan perhatian kepada pemerikasaan komuniti tempatan untuk terlibat sama dalam arus pembangunan. Lebih penting lagi, geopark meneroka gagasan baru dalam sistem governans berasaskan pengurusan kolaboratif, sesuai dengan iltizam baru warga dunia iaitu inovasi untuk pembangunan lestari.

Penulis ialah Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara